

20/08/2002

Polis siasat kejadian berebut jadi imam

MARANG, Isnin - Polis memulakan siasatan mengenai kejadian perebutan menjadi khatib dan imam solat Jumaat di Masjid Kampung Losong Haji Mohd Shafie di Kuala Terengganu, Jumaat lalu.

Ketua Polis negeri, Senior Asisten Komisioner I Othman Talib, berkata siasatan itu dimulakan semalam selepas pihaknya menerima aduan polis dan ahli khariah masjid.

Katanya, aduan polis dibuat oleh Timbalan Ketua Jabatan Siasatan Jenayah negeri, Superintendan Mohd Noor A Mohamad, manakala ahli khariah masjid itu Jaafar Omar.

Beliau berkata, Mohd Noor dalam laporannya mendakwa Yang Dipertua Dewan Undangan Negeri (DUN) Terengganu, Datuk Hussain Awang dan Exco Kerajaan Negeri, Mohd Abdul Wahid Endut, cuba mengganggu solat Jumaat yang antara makmumnya Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Siasatan itu dilakukan mengikut Seksyen 296 Kanun Keseksaan iaitu mengganggu perhimpunan yang menjalankan sembahyang.

"Mengikut seksyen itu sesiapa dengan sengaja menyebabkan gangguan kepada mana-mana perhimpunan yang menjalankan sembahyang atau upacara agama boleh dipenjarakan setahun atau denda atau kedua-duanya," katanya kepada pemberita selepas memberi taklimat mengenai latihan Ex-Rampas di sini, petang semalam.

Berita Harian kelmarin melaporkan khatib yang sepatutnya mengimamkan solat Jumaat selepas membaca khutbah, tidak sempat berbuat demikian apabila tugas itu diambil oleh Hussain.

Walaupun hari itu giliran khatib yang juga imam masjid itu, Mohamad Nor Abu Bakar, bertugas, beliau terpaksa memberi laluan kepada Hussain bagi mengelak kejadian tidak diingini.

Othman berkata, Jaafar dalam laporannya pula mendakwa sekumpulan anggota polis menghalang Hussain daripada menjalankan tugasnya sebagai khatib tamu di masjid itu, pada hari kejadian.

Jaafar, mendakwa Hussain ditugaskan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu (JHEAT) untuk menjadi imam dan membaca khutbah di masjid itu.

Othman berkata, dalam siasatannya polis akan memanggil semua pihak terbabit, termasuk anggota pasukan keselamatan yang bertugas untuk memberi keterangan.

Beliau berkata, polis tidak mempersoalkan urusan masjid yang terletak bawah bidang kuasa kerajaan negeri, tetapi mengambil tindakan mencegah bagi menjaga ketenteraman dan keselamatan orang ramai.